

NO SOALAN : 5

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA

TARIKH : 13 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)

SOALAN NO. 5

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah perancangan untuk membaik pulih hakisan dan kerentanan pantai khusus di pantai barat Semenanjung terutamanya antara kawasan Sungai Besar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah meluluskan **Projek Mengatasi Masalah Fenomena Air Pasang Besar Dan Hakisan Pantai Pelbagai Negeri** untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Air (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam RMKe-11 dengan **siling kos projek** sebanyak **RM200 juta**.

Projek ini adalah bagi mengatasi masalah hakisan pantai di seluruh Malaysia termasuklah di pesisiran Pantai Barat Semenanjung Malaysia **yang turut merangkumi pesisir pantai Sungai Besar**. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal di tapak akan dilaksanakan secara berperingkat dan dijangka bermula pada tahun 2020.

Bagi Negeri Selangor, kawasan yang terlibat dengan cadangan menaiktaraf dan pembinaan ban pantai baharu adalah :

- i) Sabak Bernam
- ii) Kuala Selangor
- iii) Klang
- iv) Kuala Langat

Sekian, terima kasih